

PEMILIKAN DAN TRANSAKSI HARTA *MAFQŪD* SELEPAS PERINTAH ANGGAPAN KEMATIAN

MOHD KAMARUL KHAIDZIR SAADAN¹ MOHAMAD SABRI HARON²
MOHD ZAMRO MUDA³

*Corresponding Author: khaidzir@kuis.edu.my

ABSTRAK

Terdapat kaedah dan peraturan yang telah digariskan oleh Islam dalam menangani kes-kes Mafqūd. Status harta Mafqūd atau orang hilang menjadi perbincangan hangat dalam kalangan ulama fiqh dan undang-undang kerana transaksi harta tersebut melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan. Islam sangat menekankan penyelesaian segera terhadap kes-kes yang berkaitan agar masalah semua pihak terjaga disamping dapat mengelakkan kebekuan harta dan kesulitan akan datang. Kehilangan Mafqūd dalam tempoh yang lama sudah pasti membawa kesukaran kepada ahli keluarga yang tinggal terutama pada perkara-perkara yang melibatkan kewangan dan tanggungjawab. Perkara ini sekiranya tidak diatasi dengan segera dan betul boleh membawa kemudharatan kepada ahli waris. Tujuan kertas ini adalah untuk menganalisis pandangan sarjana Islam dan implementasi undang-undang di Malaysia dalam isu pemilikan dan transaksi harta orang hilang selepas diisytiharkan mati. Fokus kajian adalah tertumpu kepada kaedah kiraan dan proses pembahagian harta milik Mafqūd selepas perintah anggapan kematian. Metodologi kajian adalah melalui pendekatan kualitatif dengan melakukan pengumpulan maklumat dari sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati kiraan dan pembahagian harta pusaka hendaklah selari dengan tarikh Mafqūd dianggap mati oleh mahkamah. Kecuaian dan salah urus dalam perkara ini boleh mendatangkan ketidakadilan kepada pihak-pihak berkenaan.

Kata kunci: Harta pusaka, Mafqūd, Anggapan kematian, Muamalah, Perundangan Islam.

1. Pengenalan

Pentafsiran mafqūd atau orang hilang adalah merujuk kepada seseorang yang terputus khabar beritanya, tidak diketahui di mana berada samada masih hidup atau mati sedangkan telah dilakukan usaha pencarian yang bersungguh-sungguh serta telah berlalu tempoh yang boleh dianggap hilang (Khaidzir, 2019).

Para fuqaha menganggap orang yang hilang itu masih hidup sehinggalah dapat dibuktikan dengan kukuh bahawa dia telah mati. Pendirian mereka berdasarkan kaedah *istishab* iaitu sesuatu hukum itu merujuk kepada keadaan asal sehinggalah ada dalil yang menunjukkan sebaliknya. Maka dalam tempoh tersebut harta al-mafqūd tidak boleh diwarisi, digunakan, diniagakan atau dijual sehinggalah statusnya diputuskan oleh pemerintah.

2. Latar Belakang Kajian

Menurut pandangan mazhab Hanafi, Syafi'i dalam *qawl jadid*, Hanbali jika hilang dalam situasi aman dan Dzahiri, harta orang hilang tidak boleh wariskan dan isteri hendaklah menunggu sehingga satu tempoh yang diyakini beliau telah mati atau perintah anggapan

¹ Calon Ph.D, Institut Islam Hadhari, UKM, Bangi, Selangor

² Fellow Kanan Institut Islam Hadhari, UKM, Bangi, Selangor

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor

kematian oleh mahkamah. Justeru mana-mana pihak tidak boleh memutuskan status orang hilang atau membubarkan perkahwinan mereka tanpa petunjuk yang kuat. Sekiranya tiada khabar berita dalam sesuatu tempoh menunggu dan diyakini orang hilang telah mati, maka isteri dan ahli waris boleh memohon perintah anggapan kematian dari mahkamah. Perkiraan tempoh menunggu ini adalah atas penelitian dan pertimbangan pemerintah berdasarkan prinsip menjaga kemaslahatan pihak-pihak yang berkenaan.

Manakala mazhab Maliki, Syafi'i dalam *qawl qadim*, Hanbali jika hilang dalam situasi tidak aman dan Ibadhi pula berpandangan isteri dan ahli waris hendaklah menunggu sehingga empat tahun sebelum memohon fasakh dan perintah anggapan kematian oleh mahkamah. Pandangan ini bersandarkan kepada beberapa dalil antaranya ialah ijtihad Umar al-Khattab RA memutuskan bagi kes orang hilang, si isteri hendaklah menunggu sehingga empat tahun *qamari* kemudian barulah wali suaminya menceraikannya. Si isteri hendaklah beriddah selama empat bulan sepuluh hari sebelum beliau boleh berkahwin lain. Para sahabat pada zaman tersebut bersetuju dan bersependapat dengan pandangan Umar hingga mencapai status *ijma' sukuti*. Apabila diputuskan sedemikian dalam membenarkan perkahwinan isteri orang hilang tersebut dalam keadaan berwaspada menjaga kehormatan wanita tersebut, maka dalam urusan pembahagian harta, ia lebih utama supaya berhati-hati dan berwaspada dalam mengagihkannya. (al-Dusuqi, t.t), (al-Shirbini, 2000), (al-Bahuti, 1982), (Ibn Qudama, 1998).

Pandangan yang paling kuat dan lebih sesuai dengan situasi pada zaman ini adalah pandangan jumbuh fuqaha iaitu penentuan tempoh tersebut diputuskan oleh hakim tanpa menetapkan tempoh khusus untuk menunggu. Perkara tersebut diserahkan sepenuhnya kepada ijtihad pemerintah sama ada bagi situasi yang selamat ataupun situasi yang kebiasaannya berlaku kemusnahan atau kematian. Keputusan hakim atau pemerintah adalah keputusan yang paling sesuai untuk menjaga kemaslahatan orang hilang dan ahli waris. Hal yang demikian kerana pemerintah akan melakukan siasatan dan mengumpul bukti untuk memastikan sama ada orang hilang tersebut masih hidup atau telah meninggal dunia. Adalah tidak sesuai pada zaman ini jika membiarkan harta beku tanpa diagihkan dalam satu tempoh yang begitu lama atau empat tahun sedangkan pemerintah berkemampuan untuk melakukan penyiasatan dan mendapatkan segala bukti yang menunjukkan keadaan orang hilang tersebut walaupun sekadar sangkaan yang kuat (*ghalabah al-dzan*). Apatah lagi terdapat pelbagai peralatan dan alat perhubungan moden pada zaman ini yang memudahkan kita mendapatkan maklumat berbanding pada zaman dahulu.

Dalam membincangkan hal pewarisan *Mafqūd*, para sarjana Islam telah membahagikan *Mafqūd* kepada dua keadaan berdasarkan kedudukannya dalam sistem pewarisan; pertama, kedudukan *Mafqūd* sebagai *muwarrith* iaitu pemilik harta, dan kedua kedudukan *Mafqūd* sebagai *wārith* (ahli waris) iaitu penerima pusaka dari si mati.

Syariat memberikan keadilan dan menjaga kepentingan *Mafqūd* sepanjang tempoh kehilangan. 'Abd al-Mun'im Saqqa (2008) menerangkan dalam konteks *Mafqūd* sebagai pemilik harta, beliau tidak dianggap sebagai mati kerana asalnya adalah hidup kecuali ada bukti yang menunjukkan beliau mati, atau telah sampai tempoh pada kebiasaan secara *zannī* bahawa beliau mustahil hidup lebih dari usia itu. Sementara Jum'ah Mohamed Barraaj (1981) di dalam *Ahkam al-Mirath fi al-Shariah al-Islamiyyah* menjelaskan bahawa harta *Mafqūd* tertanggung untuk dipusakai kerana antara syarat utama berlakunya pewarisan ialah dengan matinya pemilik harta (*mautul muwarrith*), dan waris hidup ketika pemilik harta mati (*hayātul wārith waqtu mauti al-muwarrith*).

Dalam hal ini kematian pemilik harta adalah menjadi syarat utama dalam mewarisi harta pusaka. Kematian yang dimaksudkan hendaklah diperakui menurut jalur undang-undang dan bukan yang hanya bersandarkan kepada perasaan syak semata-mata. Maka dengan itu harta *Mafqūd* kekal sebagai miliknya dan tidak boleh dilakukan transaksi atau diwariskan sehingga diputuskan statusnya oleh pemerintah.

Jumhur fuqaha menetapkan bahawa *Mafqūd* dianggap hidup sama ada dalam urusan berkaitan dirinya atau orang lain. Maka dengan itu isterinya tidak boleh berkahwin lain manakala hartanya pula tidak boleh dipusakai. Hak-hak dan tanggungannya hendaklah dipelihara sehingga jelas kedudukannya. Begitu juga hartanya yang diamanahkan kepada orang lain (*wadī'ah*) hendaklah disimpan sehingga beliau kembali atau sebaliknya. Hujah mereka adalah berdasarkan kaedah *Istishab* yang menetapkan bahawa hukum asal hendaklah berkekalan sifatnya dan tidak boleh menetapkan sesuatu yang belum berlaku. Jelasnya di sini kaedah *Istishab* ini sebagai wasilah untuk melindungi hak dan kepentingan pemilik harta yang hilang (Nasir al-Ghāmīdī 2011).

Perbincangan berkaitan pengurusan harta *Mafqūd* sebagai pemilik harta sepanjang kehilangannya boleh dilihat dalam dua situasi. Situasi pertama ialah bagaimana pengurusan harta boleh dilakukan sepanjang kehilangannya sementara menunggu beliau kembali atau perintah anggapan kematian oleh mahkamah. Manakala situasi kedua pula melibatkan pengurusan hartanya sekiranya beliau kembali selepas perintah anggapan kematian diputuskan.

3. Analisis Pengurusan Harta *Mafqūd* Selepas Perintah Anggapan Kematian Diputuskan

Keadaan status harta *Mafqūd* menjadi persoalan sekiranya beliau kembali atau dijumpai semula. Para ulama fiqh membahagikan situasi tersebut kepada berikut:

Pertama: Kemunculan sebelum pengisytiharan mati atau pengagihan harta.

Kedua: Kemunculan setelah pengisytiharan mati tetapi sebelum pengagihan harta.

Ketiga: Kemunculan setelah pengisytiharan mati dan pengagihan harta tetapi harta tersebut belum digunakan.

Keempat: Kemunculan setelah pengisytiharan mati dan pengagihan harta serta harta tersebut telah digunakan.

3.1 Kemunculan Sebelum Pengisytiharan Mati Atau Pengagihan Harta.

Ulama bersepakat harta *Mafqūd* kekal menjadi miliknya sekiranya muncul atau ditemui sebelum diisytiharkan mati atau diagihkan hartanya.

3.2 Kemunculan Setelah Pengisytiharan Mati Tetapi Sebelum Pengagihan Harta.

Ulama juga bersepakat bahawa harta *Mafqūd* kekal menjadi miliknya sekiranya muncul atau ditemui setelah diisytiharkan mati tetapi harta belum diagihkan lagi.

3.3 Kemunculan Setelah Pengisytiharan Mati Dan Pengagihan Harta Tetapi Harta Tersebut Belum Digunakan.

Dalam situasi ini, jumhur ulama berpendapat *Mafqūd* berhak memiliki kembali hartanya selagimana belum digunakan dan masih ada di tangan ahli waris atau penerima wasiat. Menurut Nasir Muhammad al-Ghāmīdī (2011) harta milik *Mafqūd* yang telah diagihkan kepada

warisnya hendaklah dikembalikan semula kepadanya selagi masih ada dan belum dibelanjakan. Manakala harta milik *Mafqūd* yang telah dibelanjakan tidak perlu diganti semula, kerana penerimaan harta tersebut oleh waris adalah sah atas ketetapan pemerintah.

3.4 Kemunculan Setelah Pengisytiharan Mati Dan Pengagihan Harta Serta Harta Tersebut Telah Digunakan.

Terdapat perselisihan pandangan fuqaha dalam menentukan hak *Mafqūd* sekiranya hartanya telah digunakan, rosak, hilang dan sebagainya di tangan ahli waris. Adakah beliau berhak menuntut gantirugi ke atas hartanya atau ahli waris terlepas dari tanggungjawab harta tersebut. Fuqaha telah membincangkan secara terperinci akan perkara ini, dan secara umumnya pandangan mereka dibahagikan kepada dua:

i. Pandangan pertama: Fuqaha Hanafi, Shāfi'ī dan satu riwayat dari Hanbali berpendapat bahawa *Mafqūd* berhak menuntut bahagian hartanya yang masih ada di tangan ahli waris atau penerima wasiat jika masih belum digunakan. Manakala bahagian harta yang telah digunakan tidak perlu dipulangkan atau dibayar gantirugi dan menjadi hak ahli waris dan penerima wasiat.

Mereka berhujah dengan membuat perbandingan hukum memulangkan barang yang dijumpai (*luqatah*). Hukum harta *Mafqūd* sama seperti harta yang dijumpai di mana orang yang menemui dan menyimpan harta tersebut (*multaqit*) tidak dikenakan membayar gantirugi sekiranya barang tersebut rosak atau hilang. Justeru apabila pemilik harta berkenaan datang menuntut barang miliknya, *multaqit* hanya perlu memulangkan barang ada di tangannya sahaja, tanpa perlu membayar gantirugi sekiranya hilang, berkurangan atau rosak. Perbandingan hukum juga dilihat dalam kes harta orang murtad dan pemberontak yang dirampas oleh pihak berkuasa negara Islam. Sekiranya orang murtad bertaubat dan kembali kepada Islam atau pemberontak meletakkan senjata, maka pihak berkuasa hanya akan memulangkan harta rampasan yang berbaki sahaja tanpa perlu membayar gantirugi (Al-Sarakhsi 2001; Ibn Abidin 2000).

Manakala dalam konteks prinsip pemilikan harta *Mafqūd* sama ada oleh ahli waris atau penerima wasiat dan wakaf, mereka berhujah seperti berikut (Al-Sarakhsi 2001; Ibn Abidin 2000):

- a- Pemilikan mutlak telah berlaku berikutan pengisytiharan kematian dikeluarkan secara sah menerusi perundangan. Justeru sebarang pembahagian dan transaksi harta pusaka *Mafqūd* menjadi hak mutlak penerima tanpa sebarang sekatan. Maka sudah tentu kerosakan atau kehilangan harta tersebut tidak dikenakan gantirugi berikutan sudah menjadi hak milik penuh penerima.
- b- Penggunaan harta tertakluk kepada izin *Mafqūd* sekiranya harta masih ada, sedangkan adalah mustahil mendapatkan izin *Mafqūd* ketika kehilangannya. Dalam hal ini penerima harta adalah pemilik mutlak harta tersebut dan bukannya sebagai pemegang amanah. Pembayaran ganti rugi atas kerosakan atau kehilangan harta pastinya tidak wajar dan menyukarkan urusan ahli waris. Prinsip pemilikan ini juga hampir sama dengan konteks ikatan perkahwinan di mana *Mafqūd* tidak berhak menuntut untuk kembali kepada isterinya sekiranya si isteri telah berkahwin lain kerana hukum fasakh telah dijatuhkan.

ii. Pandangan kedua: Fuqaha Maliki, Hanbali dan Ibadhi pula berpendapat bahawa *Mafqūd* berhak menuntut bahagian hartanya yang masih ada di tangan ahli waris atau penerima wasiat,

termasuk bahagian harta yang telah digunakan. Malahan *Mafqūd* berhak menuntut ganti rugi ke atas sebarang kerosakan dan kehilangan hartanya di tangan ahli waris atau si penerima wasiat. (Al-Bahuti 1982; al-Dusuqi t.th.; al-Syarqawi t.th.)

Golongan kedua ini pula berhujah bahawa kembalinya *Mafqūd* secara langsung menggugurkan pemilikan harta oleh ahli waris atau penerima. Pembahagian harta pusaka semasa ketiadaan *Mafqūd* terbatal dengan sendirinya. Jika harta tersebut telah digunakan, maka dikira sebagai penggunaan harta bukan milik dan dikenakan ganti rugi jika hilang atau rosak. Ahli waris dan penerima dalam konteks ini dikira sebagai pemegang amanah hinggalah *Mafqūd* kembali.

Mereka turut berhujah dengan bersandarkan kepada kes suami hilang selama empat tahun dan kembali semula sepertimana yang berlaku pada zaman Khalifah Umar al-Khattāb r.a. Dalam kes tersebut Khalifah Umar telah memberi hak memilih kepada *Mafqūd* yang telah dianggap mati *hukmī* samada ingin tinggal bersama dengan isterinya semula sebagai suami isteri atau menerima wang mas kahwin sebagai pampasan dan berpisah dari isterinya. Dalam hal ini dapat difahami bahawa keperluan *Mafqūd* setelah dianggap mati hendaklah dikembalikan haknya. Jika hak dari sudut ikatan perkahwinan boleh diambil semula walaupun telah sabit pernikahan baru maka dalam perkara harta adalah lebih utama (Nasir al-Ghāmīdī 2011).

Melihat kepada hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua golongan di atas, penulis berpendapat hujah yang dikemukakan oleh golongan pertama lebih tepat dan seiring dengan prinsip maqasid syariah iaitu menjaga kemaslahatan dan mengelakkan kemudharatan. Antara maksud menjaga kemaslahatan di sini ialah dengan mengiktiraf anggapan mati yang diputuskan oleh pemerintah demi memudahkan urusan ahli waris yang tinggal. Dalam konteks penjagaan harta pula, keputusan muktamad oleh pemerintah dapat mengelakkan kebekuan harta *Mafqūd* dan sudah tentu merugikan ekonomi umat Islam. Maka dengan pengisytiharan kematian tersebut, ahli waris dan para penerima bebas menggunakan harta *Mafqūd* tanpa sebarang sekatan atau kebimbangan jika *Mafqūd* ditakdirkan kembali.

Maksud mengelakkan kemudharatan pula ialah jika harta tersebut telah digunakan, hilang atau rosak maka sudah tentu menyukarkan ahli waris untuk membayar kembali ganti rugi. Keadaan ini mendatangkan kemudharatan kepada ahli waris samada dari sudut ekonomi ataupun ketenangan jiwa. Sabda Rasulullah SAW:

لا ضرر ولا ضرار⁴.

Maksudnya:

Tidak boleh melakukan sesuatu yang membahayakan diri sendiri dan orang lain.

Dalam situasi ini, penulis berpandangan demi menjaga masalah *Mafqūd* dan ahli waris, beberapa perkara berikut hendaklah diambil perhatian:

- i. Membezakan antara menggunakan harta tetapi masih kekal nilainya (*istirad*) dan menggunakan harta serta tiada berbaki nilainya (*istihlak*). Menggunakan harta pusaka tetapi masih kekal nilainya seperti ahli waris telah membeli kereta dari wang pusaka *Mafqūd*. Walaupun wang telah digunakan dan tetapi nilai harta tersebut masih ada dalam bentuk aset. Penulis melihat tiada halangan untuk ahli waris memulangkan wang tersebut

⁴ Malik bin Anas, *al-Muwatta'*, (Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, 1370H/1895M), 184 (Kitab al-'Aqdiyyah, Bab al-Qadā' fi al-Mirfaq, no. hadith 31) dan al-Qazwini (m275H), Sunan Ibn Majah, (Beirut: Dār al-Risalah, t.t.), 430 (Kitab al-Ahkām, Man Banā fi Haqqihi ma Yadurru bi Jarih, no. hadith 2340).

selagimana asetnya masih ada. Ahli waris boleh memilih samada memulangkan wang *Mafqūd* dengan menjual kereta atau memulangkan dalam bentuk aset sahaja sekiranya berlaku susut nilai dan menyukarkan ahli waris.

Manakala menggunakan harta tanpa berbaki nilainya seperti ahli waris telah membeli makanan dari harta *Mafqūd*. Harta tersebut telah digunakan dengan tiada bentuk nilai ditinggalkan apabila makanan telahpun dimakan. Maka tanggungjawab membayar ganti rugi ke atas ahli waris gugur dengan sendirinya.

- ii. Budi bicara dan pertimbangan ahli waris untuk membayar ganti rugi sekiranya harta telah digunakan dan tiada baki dalam bentuk nilai. Namun begitu bayaran ganti rugi ini tidak tertakluk kepada nas undang-undang tetapi lebih kepada sifat toleransi dan prihatin ahli waris atas kesukaran yang ditanggung oleh *Mafqūd*.

Namun begitu, segala urusan berkaitan *Mafqūd* dan pengurusan harta *Mafqūd* perlu melalui proses perundangan di negara masing-masing. Di Malaysia, antara pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menguruskan harta *Mafqūd* ialah Jabatan Tanah dan Galian, Mahkamah Tinggi Sivil, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kehakiman Syarie Malaysia, Amanah Raya Berhad dan Institusi-institusi Kewangan dan Perbankan. *Mafqūd* boleh menuntut kembali semua hartanya yang telah diagihkan atas budi bicara pihak yang telah menerima bahagian dari harta pusaka. Beliau perlu membuat permohonan di mahkamah untuk mengesahkan kepulangan serta mengesahkan semula identitinya di Jabatan Pendaftaran Negara.

4. Kesimpulan

Sistem Pewarisan Islam mengandungi aturan hukum yang bertujuan menjamin keadilan dan masalah pemilik harta dan ahli waris. Kehilangan pemilik harta dalam tempoh yang lama mendatangkan kerumitan dan kepada ahli keluarga dan waris untuk menguruskan harta dan melaksanakan tanggungjawab yang ditinggalkan. Pelbagai instrumen pentadbiran harta diperuntukkan oleh syarak demi memudahkan urusan keluarga dan ahli waris sepanjang kehilangan pemilikinya. Hak dan masalah *Mafqūd* juga diberi jaminan sekiranya beliau kembali selepas perintah anggapan kematian.

5. Rujukan

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. 2003. *Radd al-Mukhtar 'ala a-Dur al-Mukhtar fi Syarh Tanwir al-Absar; Hashiyyah Ibn 'Abidin*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.

Al-Bahuti, Mansur Yunus. 1982. *Kasyyaf al-Qina' 'an Matan al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.

_____. 1980. *Al-Raud al-Murabba'*. Riyadh: Maktabah al-Riyadh.

Al-Baihaqi, Ahmad Hussin Ali. t.t. *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Makrifah.

Al-Bugha, Mustafa et al. 2005. *Al-Fiqh al-Manhaji*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Al-Darqutni. Ali bin Umar. 2001. *Sunan al-Darqutni*. Riyadh: Dar al-Muayyad.

Al-Dusuqi. Shamsuddin Muhammad bin 'Arafah. t.t. *Hasyiah Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar 'Ihya' al-Kutb al-'Arabiah.

Fatwa Mufti Kerajaan Brunei Darussalam. 1999. *Anggapan Orang Hilang*. Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Ibn al-Humam. Kamal al-Din Muhammad bin 'Abd al-Wahid. 1993. *Syarah Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Jaziri, 'Abd al-Rahman bin Muhammad. 2001. *Al-Fiqh 'ala al-Madzahib al-Arba'ah*. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar.

Malik bin Anas, *al-Muwatta'*, t.th. Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.

Al-Mardawi. Ala' al-Din Abu al-Hasan bin Sulaiman. 1958. *Al-Insaf fi Makrifat al-Rajih min al-Khilaf*. Beirut: Dar 'Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Al-Mausili, 'Abdullah Mahmud Maudud. t.t. *Al-Ikhtiar li Ta'lil al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. 1992. *Raudhah al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Ibn Nujaym, Zainuddin Ibrahim Muhammad. 1997. *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqaiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah

Ibn Qudama, Mawaffaq ad-Din aAbdullah ibn Ahmad al-Maqdisi. 1998. *Al-Mughni 'ala Mukhtasar al-Khiraqi*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.

Al-Ramli, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad Shihabudin. 1968. *Nihayat al-Muhtaj ila Adillah al-Minhaj*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.

Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. 1985. *Al-Mawarith fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Saqqa, 'Abd al-Mun'im. 2008. *Ahkam al-Ghaib wa al-Mafqūd fi al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Nawadeer.

Al-Sarkhasi, Shamsuddin Abu Bakr Muhammad bin Ahmad. 1986. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Makrifah.

Al-Shirbini, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib. 2000. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Zaila'i, Fakhruddin Uthman bin 'Ali. 1896. *Tabyin al-Haqaiq Syarh Kanz al-Daqaiq*. Bulaq: al-Matba'ah al-Amiriah.

Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.